

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]
TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)
SOALAN : Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah pasar nelayan di Semenanjung Malaysia yang sedia ada dan yang akan diwujudkan. Sejauh manakah pasar nelayan ini berjaya menghapuskan penglibatan orang tengah dalam kegiatan jual beli ikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mula melaksanakan Program Pasar Nelayan pada tahun 2006 bagi meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan dan keluarga nelayan melalui penglibatan dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan. Program Pasar Nelayan membolehkan nelayan dan keluarga nelayan menjual ikan secara terus kepada pengguna tanpa melalui orang tengah. Melalui kaedah ini, nelayan berupaya mendapat keuntungan yang lebih baik dan pengguna mendapat bekalan ikan yang segar dan berkualiti pada harga yang berpatutan.

Sehingga kini, terdapat 37 buah Pasar Nelayan di Semenanjung Malaysia. Bilangan Pasar Nelayan sedia ada di Semenanjung Malaysia mengikut negeri adalah seperti berikut:

| Bil. | Negeri | Jumlah Pasar Nelayan |
|-------------|-----------------|-----------------------------|
| 1. | Perlis | 1 |
| 2. | Kedah | 6 |
| 3. | Pulau Pinang | 8 |
| 4. | Perak | 2 |
| 5. | Selangor | 5 |
| 6. | Negeri Sembilan | 1 |

| | | |
|---------------|------------|-----------|
| 7. | Melaka | 3 |
| 8. | Johor | 4 |
| 9. | Pahang | 3 |
| 10. | Terengganu | 3 |
| 11. | Kelantan | 1 |
| JUMLAH | | 37 |

Manakala sebanyak 84 buah lagi Pasar Nelayan akan diwujudkan di Semenanjung Malaysia dalam tahun 2014 dan 2015. Bilangan Pasar Nelayan yang akan diwujudkan mengikut negeri adalah seperti berikut:

| Bil. | Negeri | Jumlah Pasar Nelayan |
|---------------|-----------------|-----------------------------|
| 1. | Perlis | 5 |
| 2. | Kedah | 5 |
| 3. | Pulau Pinang | 3 |
| 4. | Perak | 10 |
| 5. | Selangor | 19 |
| 6. | Negeri Sembilan | 4 |
| 7. | Melaka | 3 |
| 8. | Johor | 11 |
| 9. | Pahang | 10 |
| 10. | Terengganu | 12 |
| 11. | Kelantan | 2 |
| JUMLAH | | 84 |

Program Pasar Nelayan telah berjaya mengurangkan penglibatan orang tengah dalam kegiatan jual beli ikan. Kejayaan ini dapat dilihat melalui peningkatan nilai jualan ikan di Pasar Nelayan yang berterusan. Pada tahun 2006, nilai jualan di Pasar Nelayan ialah sebanyak RM165,000 dan jumlah tersebut telah meningkat kepada RM11.28 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010 pula, nilai jualan hasil pelaksanaan program ini terus meningkatkan kepada RM14.72 juta dan melonjak kepada RM32.27 juta pada tahun 2011, RM33.54 juta pada tahun 2012 dan RM34.2 juta pada tahun 2013.